



## PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM SEMESTER SATU ( 2 JAM )

### SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2019 (MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

**Arahan kepada calon:**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A. Tandakan jawapanyang betul pada borang Jawapan Aneka Pilihan yang dibekalkan.*

*Jawab **semua** soalan dalam Bahagian B. Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan.*

*Jawab **dua** soalan sahaja dalam Bahagian C. Anda boleh menjawab semua soalan tetapi hanya **dua** jawapan pertama yang akan diperiksa.*

*Tulis jawapan dalam helaian jawapan yang disediakan. Mulakan setiap jawapan pada helaian jawapan yang baharu.*

*Ikatkan helaian jawapan Bahagian C bersama-sama dengan muka hadapan dan helaian jawapan Bahagian B.*

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian A	
15	
Bahagian B	
16	
17	
18	
19	
Bahagian C	
20	
21	
22	
Jumlah	

**Kertas soalan ini terdiri daripada 8 halaman bercetak.**

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

.....

.....

.....

**BAHAGIAN A [ 15 MARKAH ]**

Jawab **semua** soalan.

1. Yang manakah pernyataan yang benar tentang konsep negara berdaulat.
  - I. Mempunyai hubungan diplomatik dengan kuasa luar
  - II. Suatu kelompok yang mendiami sesebuah wilayah
  - III. Sebuah wilayah yang mempunyai institusi pemerintahan yang berkesan
  - IV. Negara yang mempunyai identitinya sendiri seperti ideologi, bendera dan jata sendiri

A I dan II                      B I dan IV  
C II dan III                     D III dan IV
  
2. Yang manakah benar tentang sistem kerajaan persekutuan seperti yang diamalkan oleh Malaysia?
  - I. Kerajaan pusat mempunyai segala kuasa pemerintahan
  - II. Kerajaan negeri mempunyai kuasa pentadbiran yang kurang
  - III. Setiap peringkat kerajaan mempunyai kuasa yang diperuntukkan
  - IV. Setiap peringkat kerajaan memiliki kuasa autonomi perundangan

A I dan II                      B I dan IV  
C II dan III                     D III dan IV
  
3. Doktrin Pengasingan Kuasa yang diamalkan di Malaysia adalah untuk
  - A Mengelakkan penyalahgunaan kuasa
  - B Melibatkan rakyat dalam pentadbiran
  - C Melaksanakan sistem demokrasi tulin
  - D Mewujudkan pemerintahan yang adil dan saksama
  
4. Yang manakah benar tentang Ahli Dewan Undangan Negeri di Semenanjung Malaysia?
  - I. Dalam tempoh yang sama boleh menjadi Ahli Dewan Negara
  - II. Tempoh sah memegang jawatan tertakluk pada tempoh kematangan parlimen
  - III. Keahlian seseorang ahli melalui pemilihan atau pelantikan
  - IV. Dalam masa yang sama boleh menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

A I dan II                      B I dan IV  
C II dan III                     D III dan IV
  
5. Yang manakah bidang kuasa sivil Mahkamah Syariah?
  - A. Penukaran agama
  - B. Urusan tanah pusaka

- C. Tidak sembahyang Jumaat
- D. Menyertai pertandingan ratu cantik

- Laporan perbelanjaan pilihan raya mestilah dihantar kepada X dalam tempoh 31 hari selepas tarikh keputusan pilihan raya disiarkan di dalam Warta Kerajaan.

6. X yang dinyatakan dalam pernyataan di atas merujuk kepada

- A. Pengarah Pilihan Raya Negeri
- B. Setiausaha Pilihan Raya Negeri
- C. Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya
- D. Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya

7. Antara yang berikut , yang manakah yang merupakan sumber kewangan Kerajaan Negeri ?

- |                          |                                 |
|--------------------------|---------------------------------|
| I Bayaran cukai jalan    | III Bayaran pembaharuan pasport |
| II Bayaran lesen hiburan | IV Bayaran zakat dan fitrah     |
| A I dan II               | B I dan III                     |
| C II dan III             | D II dan IV                     |

- Merancang dasar kewangan dan belanjawan negara
- Menyusun semula syarikat-syarikat diperbadankan milik Menteri Kewangan

8. Pernyataan di atas merujuk kepada

- |                        |                           |
|------------------------|---------------------------|
| A Bank Negara          | B Perbendaharaan          |
| C Kementerian Kewangan | D Jabatan Perdana Menteri |

9. Yang manakah berikut merupakan badan penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan?

- I. Majlis Tanah Negara
- II. Majlis Tindakan Negara
- III. Majlis Ekonomi Negara
- IV. Majlis Kewangan Negara

- |              |              |
|--------------|--------------|
| A I dan II   | B I dan IV   |
| C II dan III | D III dan IV |

10. Yang manakah berikut tugas Peguam Negara dalam Mahkamah Khas?

- A Menjadi pemerhati
- B Menjadi peguambela

- C Memulakan pendakwaan
- D Mencabar keputusan mahkamah

11.

- Menjadi pemangkin perubahan yang berani dalam penyampaian sektor awam dan swasta
- Menyokong Kementerian dalam proses perancangan penyampaian

Tugas di atas dilaksanakan oleh

- A. Unit Inovasi Khas ( UNIK )
- B. Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
- C. Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU)
- D. Unit Pemodenan Tadbir dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

12. Yang manakah antara berikut **benar** tentang proses pengubalan undang-undang ?

- I. Rang Undang-undang Ahli Persendirian hendaklah terlebih dahulu disetujui oleh Kabinet
- II. Peguam Negara menyediakan rang undang-undang untuk Kabinet
- III. Kabinet boleh membuat pindaan kepada rang undang-undang yang dicadangkan oleh mana-mana kementerian
- IV. Menteri berkenaan hendaklah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong sebelum membentangkan undang-undang yang digubal di Parlimen

- A I dan II
- B II dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

13. Yang manakah benar tentang kuasa kerajaan negeri terhadap kerajaan tempatan?

- I. Merancang belanjawan kerajaan tempatan
- II. Melantik Ahli Majlis Kerajaan Tempatan
- III. Menentukan sempadan sesebuah pihak berkuasa tempatan
- IV. Mengumpulkan semua perolehan dan mengagihkan perolehan pihak berkuasa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14. Kesan pengurangan kerenah birokrasi dalam urusan kaunter di pejabat kerajaan ialah

- A. Tahap kepuasan pelanggan meningkat
- B. Bilangan pegawai kaunter bertambah
- C. Waktu berurusan di kaunter dipendekkan
- D. Keselesaan di kaunter perkhidmatan bertambah baik

SULIT\*

15. Yang manakah kepentingan tadbir urus yang baik?

- I Mengekalkan kepimpinan sedia ada
- II Meningkatkan pertumbuhan ekonomi
- III Menerajui Transformasi Perkhidmatan
- IV Menyusun agihan sumber tenaga kepada semua sektor

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

**TANDAKAN JAWAPAN OBJEKTIF ANDA DI RUANG BERIKUT:**

**BORANG JAWAPAN SOALAN OBJEKTIF**

<i>NO. SOALAN</i>	<i>KUNCI JAWAPAN</i>			
	<i>A</i>	<i>B</i>	<i>C</i>	<i>D</i>
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				
11				
12				
13				
14				
15				

**BAHAGIAN B [15 Markah]**

*Jawab semua soalan.*

16     Jelaskan **dua** jenis rang undang-undang yang boleh digubal oleh Dewan Rakyat. [ 4 ]

i).....

.....

ii).....

.....

17     Nyatakan **tiga** kategori pemilih yang layak menjadi pengundi pos. [ 3 ]

i. ....

ii. ....

iii. ....

18     Nyatakan **empat** hak asasi yang dilanggar dalam setiap situasi di bawah. [4]

(i)     Mengadakan ceramah kepada pengikutnya tanpa mendapat permit menjelang pilihan raya.

.....

(ii)    Membunuh diri setelah gagal menyelamatkan perniagaan keluarganya.

.....

SULIT\*


(iii) Dipaksa bekerja tanpa diberikan upah oleh majikannya.

.....

(iv) Telah ditangkap semula dan didakwa atas kesalahan yang sama.

.....

19 Pembahagian Kuasa Perundangan Antara Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan Negeri



Senaraikan **empat** bidang kuasa perundangan di bawah Senarai Bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri . [ 4 ]

- i) .....
- ii) .....
- iii) .....
- iv) .....

**Bahagian C [ 50 markah]**

*Pilih **dua** daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan*

20. Kerajaan telah berusaha untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam bagi memastikan tadbir urus baik, tetapi pada masa yang sama, kerajaan berhadapan dengan cabaran untuk memastikan matlamat tersebut tercapai. Jelaskan pernyataan ini.
21. Walaupun Industri Kecil dan Sederhana (IKS) menghadapi pelbagai rintangan , Malaysia terus memperkembangkan industri ini kerana potensinya yang boleh membantu kerajaan membangunkan negara. Bincangkan.
22. Penghijrahan modal insan Malaysia yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan tinggi ke negara lain terus berlaku. Fenomena ini jika dibiarkan berterusan akan menjejaskan ekonomi negara. Bincangkan.

**-SELAMAT MENJAWAB-**